

25/06/1999

Razaleigh tidak guna istana

PASIR MAS, Khamis - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, beliau tidak akan menggunakan istana untuk mendapat pengaruh politik di negeri ini.

Tengku Razaleigh yang baru dilantik memegang jawatan itu menggantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengakui dari segi kekeluargaan beliau tidak boleh memisahkan diri daripada istana, tetapi politik dan istana adalah dua perkara berbeza.

"Walaupun saya keturunan raja, saya tidak akan guna istana. Istana ... istana, saya... saya. Saya dengan hal dan perjuangan saya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Tok Uban dekat sini, petang ini.

Ahli Parlimen Gua Musang itu ditanya mengenai anggapan sesetengah pihak bahawa beliau mampu menarik sokongan ramai rakyat Kelantan setelah diberi kepercayaan mengetuai Umno Kelantan, kerana mempunyai pertalian dengan istana.

Menurut Tengku Razaleigh, pihak yang mendakwa beliau akan menggunakan istana untuk kepentingan politik sebenarnya takut dengan kemampuan Umno untuk menumbangkan kerajaan Pas Kelantan.

Mengenai strategi menghadapi pilihan raya akan datang, Tengku Razaleigh berkata, beliau akan berunding dengan rakannya dalam Umno kerana pandangan semua pihak perlu bagi memantapkan jentera parti.

"Tinggal lagi, mereka perlu digerakkan dengan menimbulkan kesedaran supaya mereka sendiri sanggup melakukan perubahan," katanya.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Aziz Nik Mat, bahawa pengaruh beliau tidak sekuat dulu, Tengku Razaleigh berkata: "Ini terpulang kepada orang ramai yang menilai. Seperti saya sebut dulu, saya mahu jadi gorkha. Saya mahu bekerja dengan orang ramai.

"Saya bersandar pada tuah orang Kelantan dan berharap dengan semangat suci ahli Umno bekerjasama sebagai satu pakatan, insya-Allah kita dapat gemblengkan tenaga."

(END)